

Ahli Parlimen Tasek Gelugor mohon ampun kepada Agong



Wan Saiful turut minta maaf kepada Perdana Menteri

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
dan Latifah Arifin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ahli Parlimen Tasek Gelugor dari Perikatan Nasional (PN), Datuk Wan Saiful Wan Jan memohon ampun secara terbuka di Dewan Rakyat kepada Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ini berikutan kenyataannya yang berbau sangkaan jahat terhadap Anwar dan kekhilafan menyentuh perihal Yang di-Pertuan Agong ketika perbahasan titah diraja pada 28 Februari lalu.

Permohonan maaf itu dibuat selepas Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul memberi ruang kepada Ahli Parlimen berkenaan memberikan penjelasan sebelum satu usul oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di kemukakan untuk menggantung Wan Saiful selama enam bulan kerana mendakwa Anwar sebagai pemimpin yang menyalahgunakan kuasa.

Wan Saiful dalam permohonan maaf itu mengakui kenyataan yang dibuat ketika membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja itu memang ditujukan kepada Anwar.

“Saya memang ada menyebut satu perenggan yang berbunyi ‘korup’ itu maksudnya menyalahgunakan kuasa dan orang yang menyalahgunakan kuasa itu akan menghadap Tuanku setiap minggu sebelum Mesyuarat Kabinet. Ayat itu memang saya

tujuan kepada Tambun (Anwar).

“Seperti mana saya lakukan pada 28 (Februari) dan saya ulang sekali lagi sebenarnya dalam Dewan pada 29 (Februari) apabila ditimbulkan oleh Jelutong (RSN Rayer), saya menarik balik kenyataan dan memohon maaf.

“Saya dengan rendah diri juga, disebabkan dalam usul ada menyebut mengenai Yang di-Pertuan Agong atas segala kekhilafan sekiranya menyentuh perihal Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, saya juga memohon maaf dan menarik balik kenyataan tersebut,” katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Cadang tarik balik usul

Susulan permohonan maaf Wan Saiful yang juga Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) BERSATU itu, Johari menganggap isu berkenaan selesai dan mencadangkan supaya Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah menarik balik usul berkenaan.

“Ini bermaksud Yang Berhormat Tasek Gelugor telah memohon maaf kepada Tambun dan menarik balik kenyataan itu. Yang Berhormat juga telah memohon keampunan kepada Yang di-Pertuan Agong.

“Untuk itu, saya terima dan menteri, saya anggap kita boleh selesaikan masalah ini kerana permohonan maaf sudah dibuat. Ini episod yang sudah berlalu dan Ahli Parlimen kiri (blok pembangkang) dan kanan (blok kerajaan) *move on*.

“Kita bincang masalah rakyat dengan tertib dan aman, akhirnya memberi natijah lebih baik. Jadi, kita tutup kes ini,” katanya ketika mempengerusikan mesyuarat.

Ahmad Zahid kemudian bangun dan menarik semula usul berkenaan yang tersenarai dalam Aturan Urusan Mesyuarat Dewan Rakyat, semalam.